

# Pusat MyCyber Komuniti@Sabah pertama dibangunkan di Tamparuli

OLEH MARRYAN RAZAN  
marryan@newsabahtimes.com.my

**TAMPARULI:** Pusat MyCyber Komuniti yang pertama dibangunkan di Sabah bakal menjadi pusat sebenti bagi penyebaran ilmu dan maklumat mengenai penggunaan komputer dan internet di samping merapatkan jurang digital antara penduduk bandar dan luar bandar.

Pusat itu dibangunkan di bawah pembiayaan dana Program Inovasi Sosial Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) atau MOSTI Social Innovation Program (MSI).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau berkata pusat itu dibina bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat setempat agar dapat menikmati kemudahan perkhidmatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT).

Katanya ia sejajar dengan hasrat kerajaan dalam memperkasa pembangunan digital luar bandar selari dengan perkembangan arus

teknologi masa kini.

"Selain agensi atau jabatan di bawah MOSTI, pusat ini juga boleh digunakan oleh agensi serta jabatan termasuk lain-lain Kementerian bagi penganjuran pelbagai program serta aktiviti berkaitan ICT dan keselamatan siber.

"Ini termasuk penggunaan internet secara positif dan beretika, khususnya untuk masyarakat di daerah Tamparuli," katanya ketika merasmikan Pusat MyCyber Komuniti@Sabah, di sini, kelmarin.

Pusat MyCyber Komuniti dibangunkan oleh CyberSecurity Malaysia, pusat pakar teknikal keselamatan siber negara dengan kerjasama Koperasi Tokou Sabah Berhad.

Ia dilengkapi kemudahan ICT seperti komputer serta akses Internet, peretakan digital dan mesin pengimbas. Prasarana ICT yang terdapat di pusat ini akan memudahkan masyarakat melakukan perbankan dalam talian (online banking) serta transaksi dalam talian (online transaction) seperti pembelian, pembayaran bil serta utiliti.



TANDA KENANGAN ... Madius menerima cenderkenangan daripada Felix pada majlis itu.

Operasi Pusat MyCyber@Komuniti ini dikendalikan sepenuhnya oleh Koperasi Tokou Sabah Berhad.

Sementara itu, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah, CyberSecurity Malaysia Jeneral (Bersara) Tan Sri Mohd Azumi Mohamed berkata, ICT mampu memberi impak besar kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

Katanya penubuhan pusat ini dapat merealisasikan matlamat kerajaan dalam memperkasa bidang keselamatan siber terutamanya kepada penduduk daerah Tamparuli.

"Pelbagai pengisian akan dilaksanakan bagi memberi kesedaran mengenai kepentingan keselamatan siber secara berterusan melalui pelbagai program yang akan dilaksanakan.

"Program itu termasuk pembangunan laman sesawang, latihan berkaitan keselamatan siber (CyberSAFE), perkhidmatan MyCyberSecurity Clinic, khidmat nasihat mengenai keselamatan siber, pengurusan data serta laporan insiden keselamatan siber serta pusat rujukan masyarakat setempat bagi hal ehwal berkaitan ICT," katanya.

Pengerusi Koperasi Tokou Sabah Berhad Felix Joseph Saang merakamkan penghargaan kepada MOSTI dan CyberSecurity Malaysia atas keyakinan dan kepercayaan kepada Koperasi mengendalikannya Pusat MyCyber Komuniti yang pertama dibangunkan di Sabah.

"Saya percaya Pusat ini akan memberi banyak manfaat serta kebaikan kepada penduduk luar bandar agar mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan digital dan perkembangan dunia siber," katanya.

Sempena perasmian Pusat MyCyber Komuniti@Sabah, beberapa program berkaitan keselamatan siber turut diadakan, antaranya CyberSAFE Quest, melibatkan para pelajar sekolah sekitar Tamparuli dan ceramah CyberParenting melibatkan ibubapa dari komuniti setempat.

Pada majlis yang sama Madius turut merasmikan program Human Impact Management Information System on Information Security (HIMIS).

Ia adalah projek berbentuk kajian bagi menilai dan mengukur tahap kesedaran keselamatan maklumat dalam kalangan kakitangan awam di Malaysia selain dapat mengurangkan risiko menjadi mangsa ancaman dan jenayah siber.

Hadir sama pada majlis itu Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wira Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr. Mohd Azhar Haji Yahaya, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia Dato' Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, dan Pengarah Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah Dr. Hj. Mingu Hj. Juman.